



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

BELIA MALAYSIA MERAH PINGAT DI WORLDSKILLS COMPETITION KAZAN (WSC) 2019

Sepang, 31 Ogos – Malaysia telah menyertai WorldSkills Competition (WSC) 2019 bertempat di Kazan, Russia bermula pada 22 Ogos hingga 26 Ogos 2019. Penyertaan ini melibatkan 24 orang peserta negara yang bertanding dalam 19 bidang kemahiran peringkat belia dan 3 bidang kemahiran peringkat junior. Peserta-peserta Malaysia di WSC Kazan 2019 kali ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA/ILKS), Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) dan juga pelajar sekolah menengah. Kontinjen Malaysia diketuai oleh YB Dato' Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia sebagai *Chief de Mission*.

Pasukan Malaysia telah berjaya memungut sebanyak sebanyak **1 pingat gangsa** dan **9 Medallion for Excellence**. Kejayaan pasukan negara ini adalah hasil kerjasama erat semua pihak termasuk agensi-agensi TVET, pakar-pakar negara, jurulatih serta semua pihak yang telah memberi sumbangan dalam mengatur strategi serta pelbagai persediaan rapi yang telah dilaksanakan.

Pencapaian ini secara tidak langsung telah memartabatkan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara serta membuktikan bahawa aliran TVET dapat melahirkan tenaga kerja kreatif, inovatif serta berkemahiran tinggi ke arah Negara Malaysia yang lebih baik. WSC merupakan pertandingan kemahiran paling berprestij di peringkat dunia yang diadakan dwitahunan dan disertai oleh belia-belia berkemahiran dari semua negara

No. Rujukan:

anggota World Skills International (WSI). Pertandingan pada kali ini adalah melibatkan 63 negara bertanding dalam 56 bidang kemahiran dengan jumlah peserta seramai 1355 orang.

###

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
31 Ogos 2019**

Lampiran A**PENCAPAIAN PESERTA WORLDSKILLS COMPETITION (WSC) KAZAN 2019**

BIL	BIDANG	NAMA PESERTA	AGENSI	PENCAPAIAN
BELIA				
1	Bakery	Timothy Kon Keen Yi	Taylor's University	Medallion for Excellence
2	Cabinetmaking	Joerdan Jesselly James	WISDEC Sabah	-
3	Car Painting	Mohamad Ridzuan Bin Wahid	IKBN Dusun Tua	-
4	Cooking	Edward Eng Sheng Pei	Taylor's University	Medallion for Excellence
5	Electronics	Muhammad Hasbul Arman Bin Azhar	Politeknik Sultan Idris Shah	-
6	Fashion Technology	Hanafi Bin Osman	GIATMARA Saratok	Medallion for Excellence
7	Floristry	Amir Hamizan Bin Kamal	Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja	-
8	IT Software Solution For Business	Chuan Chuan You	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)	Medallion for Excellence
9	Jewellery	Nur Fatimah Binti Hassan	Institut Kraftangan Negara	-
10	Pastry	Muhammad Irfan Hadi Bin Sulaiman	Kolej Komuniti Baling	Medallion for Excellence
11	Cloud Computing	Kogilan Krishnansamy	Asia Pacific University (APU)	-
12	Bricklaying	Muhammad Amierul Aliff bin Abd Aziz	GIATMARA Kota Tinggi	Medallion for Excellence
13	Joinery	Muhammad Yusri Aiman bin Nasir	ABM Wilayah Timur	-
14	Mechanical Engineering Design	Megat Muhammad Nurhan bin Munir	UniKL MFI	-
15	Painting & Decorating	Ahmad Naim bin Mohamad Rosli	ABM Wilayah Sarawak	-
16	Refrigeration & Air-Conditioning	Haziq Fauzi bin Abdul Jalil	GIATMARA – UniKL MFI	Medallion for Excellence
17	Wall & Floor Tiling	Che Wan Mohamad Amierwan bin Che Wan Md Amin	ILP Kuala Terengganu	-
18	Welding	Mohamad Amirol Amin bin Mohamad Zamri	ABM Wilayah Selatan	Medallion for Excellence
19	Electrical Installations	Amir Syazwan bin Saridan	GIATMARA Taiping	Medallion for Excellence
JUNIOR				
20	Electrical Installations	Muhamad Hajib bin Zahrullail	SMK Tengku Idris Shah	-
21		Saiful Nur Aiman bin Saiful Zaman	SMK Tengku Idris Shah	
22	Mobile Robotics	Nur Qistina Batrisyia binti Mohd Zaki	Sekolah Tun Fatimah	-

No. Rujukan:

23.		Nur Alya Nabihah binti Mohd Zaidi		-
24.	Drone Operating	Aiman Afiq bin Suradi	SM Sains Tunku Jaafar	Gangsa